

DOSANAC EMULSION GEL®

Diclofenac Sodium (1g/100g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DOSANAC EMULSION GEL®
2. Bagaimana DOSANAC EMULSION GEL® berfungsi
3. Sebelum mengambil DOSANAC EMULSION GEL®
4. Cara menggunakan DOSANAC EMULSION GEL®
5. Semasa menggunakan DOSANAC EMULSION GEL®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DOSANAC EMULSION GEL®
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan DOSANAC EMULSION GEL®

DOSANAC EMULSION GEL® digunakan untuk melegakan kesakitan di: -keradangan tendon, ligamen, otot dan sendi. - penyakit sendi tisu lembut, contohnya tendinitis (keradangan tendon). -penyakit sendi.

Bagaimana DOSANAC EMULSION GEL® berfungsi

DOSANAC EMULSION GEL® mengandungi bahan aktif *diclofenac* yang dikategorikan sebagai *non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs)*. DOSANAC EMULSION GEL® dirumus khas untuk

digosok pada kulit untuk melegakan kesakitan dan mengurangkan keradangan dan bengkak yang melibatkan sendi dan otot.

Sebelum mengambil DOSANAC EMULSION GEL®

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan DOSANAC EMULSION GEL® jika anda:

- alah kepada sebarang bahan yang tersenarai dalam seksyen Bahan-bahan kandungan dalam risalah ini.
- pernah mengalami gejala alahan kepada *diclofenac* atau ubat-ubatan lain yang digunakan untuk merawat sakit, demam atau radang seperti *aspirin*, *ibuprofen* atau ubat NSAIDs yang lain. Gejala alahan kepada ubat-ubatan ini mungkin termasuk: asma, semput atau sesak nafas, ruam kulit atau gatal-gatal, bengkak muka atau lidah atau hidung berair.

Jangan gunakan DOSANAC EMULSION GEL® pada kanak-kanak.

Jangan gunakan DOSANAC EMULSION GEL® jika:

- tarikh luput telah berlalu

Sebarang persoalan tentang DOSANAC EMULSION GEL® harus ditujukan kepada ahli profesional kesihatan anda.

-Sebelum menggunakan DOSANAC EMULSION GEL®

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau telah mempunyai mana-mana keadaan berikut:

- Penyakit ulser, pendarahan dan penembusan perut dan usus
- Penyakit jantung atau strok
- Tekanan darah tinggi
- Diclofenac gel boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk, contohnya *exfoliative dermatitis*, *toxic epidermis necrolysis*, dan *Steven Johnson Sydrome*. Simptom termasuk lepuh kulit dan kulit mengelupas. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika reaksi ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Sila rujuk doktor anda sebelum bermula untuk menggunakan DOSANAC EMULSION GEL jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau berniat untuk menyusukan. Doktor anda akan menimbangkan risiko dan manfaat kepada anda.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu ahli profesional kesihatan anda jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan tanpa preskripsi.

Jangan gunakan DOSANAC EMULSION GEL® jika anda sudah mengambil pil *diclofenac* atau ubat *NSAID* yang lain

DOSANAC EMULSION GEL®

Diclofenac Sodium (1g/100g)

(contohnya *aspirin* atau *ibuprofen*).

Senarai lengkap ubat-ubatan yang perlu anda berhati-hati atau elak ketika menggunakan DOSANAC EMULSION GEL® boleh didapati daripada ahli profesional kesihatan anda.

Cara menggunakan DOSANAC EMULSION GEL®

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan 2-4g (panjang 3-8cm) pada bahagian yang sakit danurut perlahan-lahan untuk memastikan bahawa gel diserap ke dalam kulit.

-Bila perlu digunakan

DOSANAC EMULSION GEL® harus digunakan 3-4 kali sehari pada bahagian yang sakit.

-Berapa lama perlu digunakan

Jangan gunakan DOSANAC EMULSION GEL® melebihi 2 minggu untuk kecederaan otot dan sendi (contohnya keseliuhan, ketegangan, lebam) atau *tendonitis*.

Jika anda menggunakan gel untuk artritis, doktor anda mungkin menyemak rawatan anda secara berkala.

Sila rujuk kepada doktor anda sekiranya gejala anda tidak bertambah baik dalam tempoh masa ini atau menjadi lebih teruk.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakan DOSANAC EMULSION GEL® pada masa yang sepatutnya, gunakannya sebaik sahaja anda ingat dan teruskan penggunaan seperti biasa. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlepas.

Semak dengan ahli profesional kesihatan anda jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan atau jika anda terlepas lebih daripada satu dos.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera untuk mendapatkan nasihat sekiranya anda mengesyaki bahawa anda atau sesiapa mungkin telah menggunakan terlalu banyak atau termakan DOSANAC EMULSION GEL®.

Anda harus ke hospital terdekat untuk mendapatkan rawatan. Semua ini harus dilakukan walaupun anda tidak mengalami tanda-tanda keracunan kerana anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Semasa menggunakan DOSANAC EMULSION GEL®

-Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat anda seperti yang doktor anda telah memberitahu anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda menggunakan DOSANAC EMULSION GEL®.

DOSANAC EMULSION GEL® hendaklah digunakan hanya untuk utuh, kulit tidak berpenyak

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan pada luka-luka kulit atau luka terbuka.

Jangan membenarkan DOSANAC EMULSION GEL® untuk bersentuhan dengan mata anda atau membran mukus, dan tidak boleh diambil melalui mulut.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan sapu DOSANAC EMULSION GEL® pada kulit yang mempunyai:

- ruam atau ekzema
- luka atau luka terbuka.

Berhati-hati apabila berjemur atau mendedahkan diri kepada cahaya matahari kerana kulit anda mungkin lebih sensitif kepada cahaya matahari.

Jika anda sedang atau pernah mengalami ulser perut atau *duodenum*, sila beritahu ahli profesional kesihatan anda sebelum menggunakan gel ini.

Sekiranya DOSANAC EMULSION GEL® terkena mata anda, bilas dengan air bersih. Dapatkan nasihat ahli profesional kesihatan anda jika sebarang ketidakselesaan berterusan.

DOSANAC EMULSION GEL®

Diclofenac Sodium (1g/100g)

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang kadang-kadang serius.

Hubungi ahli profesional kesihatan anda jika anda mengalami:

- ruam kulit, gatal-gatal, kemerahan atau kepedihan (rasa sakit yang tajam dan pedih) kulit
- peningkatan sensitiviti kulit kepada cahaya matahari (tanda-tanda yang mungkin berlaku adalah selaran matahari dengan rasa gatal-gatal, bengkak dan melepuh.)

Hubungi ahli profesional kesihatan anda dengan segera dan hentikan penggunaan DOSANAC EMULSION GEL® jika anda mengalami:

- ruam kulit dengan lepuh dan rasa gatal-gatal
- semput, sesak nafas, asma atau rasa sesak di dada
- bengkak muka, bibir, lidah atau tekak yang mungkin menyebabkan kesukaran menelan, bernafas atau bercakap

Ini bukan senarai lengkap untuk semua kesan sampingan yang mungkin. Sila merujuk kepada ahli profesional kesihatan anda untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan DOSANAC EMULSION GEL®

-Penyimpanan

- Jauhi daripada kanak-kanak.
- Simpan di bawah 25°C.
- Jauhi daripada haba dan cahaya.

-Pelupusan

Sila merujuk kepada ahli profesional kesihatan anda untuk pelupusan DOSANAC EMULSION GEL® yang telah dihentikan oleh doktor atau telah tamat tempoh gunanya.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna DOSANAC EMULSION GEL®

DOSANAC EMULSION GEL® adalah gel yang berwarna putih. Setiap tiub mengandungi 25g gel.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Diclofenac diethylammonium bersamaan dengan 1g diclofenac sodium dalam setiap 100g DOSANAC EMULSION GEL®.

Bahan tidak aktif:

Carboxy methyl cellulose, isopropyl alcohol, essential oil, triethanolamine, polysorbate 80, propylene glycol, carbomer 940 dan isopropyl Alcohol.

-Nombor MAL:

MAL19990579A

Pengilang

Siam Bheasach Co., Ltd.,
123 Soi Chokechairuammitr,
Vibhavadi-Rangsit Road,
Chatuchak, Bangkok 10900,
Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

SPG Pharma (Malaysia) Sdn. Bhd.,
Suite 1701, Block A,
Damansara Intan e-Business
Park, No. 1, Jalan SS20/27,
47400 Petaling Jaya, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

18/02/2016

Nombor siri:

BPFK(R4/1)150216/00029